

PERPUSTAKAAN UiTM SARAWAK

KEBERKESANAN TINDAKAN

PROJEK PELAJAR

PENGUATKUASAAN

MAJLIS AMANAH RAKYAT

oleh

Wan Alwi bin Wan Bujang

No. Pelajar: 94069521

Mohamad Yazid bin Mohd. Hapni

No. Pelajar: 94788565

Abdul Razak b. Saee

No. Pelajar: 94788749

DIPLOMA PENTADBIRAN AWAM

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA SARAWAK

KERTAS PROJEK INI DIKEMUKAKAN KEPADA KAJIAN PENTADBIRAN
DAN UNDANG-UNDANG UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA SARAWAK
UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT UNTUK
MEMPEROLEHI DIPLOMA PENTADBIRAN AWAM.

J 000000457

KANDUNGAN

	Mukasurat
Penghargaan	i - ii
Kandungan	iii
Abstrak	iv – viii
Bab 1 PENDAHULUAN	
1.1. Penyataan Masalah	1 – 2
1.2. Rasional Projek	3
1.3. Pengenalan	3
1.4. Objektif	4 – 6
1.5. Strategi	7
1.6. Unit Kawalan Kredit MARA	8
1.7. Unit Penguatkuasaan MARA	9-13
Bab 2 PENGANALISAAN TERHADAP KAWALAN KREDIT	
2.1. MARA Secara Umum	14 – 19
Bab 3 KAWALAN KREDIT	
3.1. Keberkesanan dan Tatacara Kawalan Kredit MARA	20 - 24
3.2. Tatacara Tindakan Penguatkuasaan MARA	25 – 49
3.3. Kelemahan dan Remedi Menangani Masalah Hutang Tidak Berbayar (NPL)	50 - 55
Bab 4 KEPUTUSAN DAN KESIMPULAN	
4.0. Konklusi	56 – 57
4.1. Kejayaan dan Prestasi Kawalan & Penguatkuasaan MARA	58 – 59
4.2. Sikap Dan Pandangan Penerima Kemudahan Pinjaman MARA	60 – 61
4.3. Keputusan Dan Cadangan	62 -63
(A) BIBLIOGRAFI	
(B) LAMPIRAN	

ABSTRAK

I. OBJEKTIF

Kertas projek ini bertujuan mengkaji keberkesanan kawalan kredit dan tindakan penguatkuasaan oleh MARA dalam mempertingkatkan prestasi kutipan bayaran balik pembiayaan perniagaan MARA.

Selain itu kajian ini juga berharap dapat mengesan kelemahan dan mencari remedii yang harus dilaksanakan oleh MARA dalam menanggani masalah hutang tidak berbayar (“NPL”)

II. SKOP

Kajian ini terhad dalam lingkungan bidangkuasa Unit Kawalan Kredit dan Penguatkuasaan peringkat Pejabat MARA Negeri Sarawak khas terhadap peminjam pembiayaan perniagaan MARA dalam 3 peringkat:-

- a) Susulan Bimbingan (RP 6/RP 7)
- b) Pra Tindakan Kawalan Kredit (Amaran 1,II & Notis Tuntutan)
- c) Tindakan Mahkamah (sivil sahaja)

1.2 RASIONAL PROJEK

Secara rasionalnya, projek ini adalah melihat sejauh mana tahap kecekapan Unit penguatkuasaan di Majlis Amanah Rakyat dalam mencapai wawasan yang dimimpikan. Perlulah ditekankan sekali lagi bahawa penguatkuasaan yang cekap akan dapat memberikan gambaran yang positif terhadap pelaksanaan untuk mendisiplinkan peminjam dan keputusan atau tindakan yang diambil adalah bersesuaian serta tidak menimbulkan keraguan. Disampingini juga terdapat banyak rahsia kerajaan yang berkaitan dengan tender & kontrak kerajaan. Jadi, secara rasionalnya, dapat dilihat bagaimanakah kakitangan diunit ini menyimpan rahsia-rahsia tersebut agar tidak sampai ke pengetahuan umum.

1.3 PENGENALAN

Majlis Amanah Rakyat (MARA) diwujudkan hasil daripada Kongress Ekonomi Bumiputra yang Pertama dalam tahun 1965 yang antara lain menuntut supaya RIDA disusun semula secara menyeluruh supaya meningkatkan penglibatan Bumiputra dalam bidang perniagaan dan perdagangan. Pada 1 Mac, 1966 MARA diperbadankan di bawah Akta Majlis Amanah Rakyat 1996.

1.4 OBJEKTIF

Bagi mencapai matlamat yang telah ditentukan seperti yang dinyatakan di atas, adalah perlu ditetapkan objektif-objektif utama bagi menjayakannya. Di bawah adalah beberapa objektif yang telah ditetapkan ;

a) Objektif Organisasi

Menggalak, membimbing, melatih dan membantu Bumiputra supaya menyertai dengan aktif dan maju dalam kegiatan perdagangan/perusahaan kecil dan sederhana ke arah pembentukan masyarakat peniaga yang berjaya dan kukuh.

b) Objektif MARA Negeri Sarawak

Menjalankan kegiatan MARA di peringkat negeri bagi mencapai objektif-objektif MARA secara Keseluruhannya.